

PENGARUH KEPERCAYAAN KONSEP ILMU ISLAM TERHADAP PENGHAYATAN AKHLAK PELAJAR UNIVERSITI AWAM

Mahfuzah Mohammed Zabidi¹ & Ab. Halim Tamur²

*Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Johor,
Kampus Pasir Gudang¹ & Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)²
mahfuzah3051@uitm.edu.my¹*

ABSTRACT

This article discussed the impact of the belief in Islamic concept of knowledge towards Islamic morality (akhlak) amongst Malaysian public university students. A total of 1368 students were involved as respondents in this study. The selection of samples was based on a multistage cluster sampling technique. This study was a survey study using a quantitative approach. The finding of the study showed that the belief in Islamic concept of knowledge amongst students (mean = 4.26) and morality (mean = 4.17) were at a high level. Through regression analysis, the Islamic concept of knowledge contributed 25% towards morality amongst students on which the method of acquiring knowledge was the biggest factor. The findings suggested educators to instill the practical aspects in methods of acquiring knowledge which encompassed physical and spiritual preparation for the students in order to increase their internalisation of Islamic morality.

Keywords: Epistemological belief, knowledge, morality, Islamic education

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan impak kepercayaan konsep ilmu Islam terhadap penghayatan akhlak pelajar di universiti awam Malaysia. Seramai 1368 orang pelajar terlibat menjadi responden dalam kajian ini. Pemilihan sampel adalah berdasarkan persampelan berkelompok pelbagai tahap (*multistage cluster sampling*). Kajian ini merupakan kajian tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif. Dapatkan kajian menunjukkan tahap kepercayaan konsep ilmu Islam pelajar (min=4.26) dan penghayatan akhlak (min=4.17) berada pada tahap tinggi. Analisis regresi menunjukkan kepercayaan konsep ilmu Islam memberi impak kepada penghayatan akhlak sebanyak 25 peratus dengan elemen kaedah menuntut ilmu sebagai faktor tertinggi. Hasil kajian ini mencadangkan agar para pendidik menerapkan aspek praktikal dalam kaedah menuntut ilmu yang merangkumi persiapan zahir dan batin kepada pelajar dalam usaha meningkatkan penghayatan akhlak dalam kalangan mereka.

Kata kunci: Kepercayaan epistemologi, ilmu, akhlak, pendidikan Islam.

PENGENALAN

Ilmu yang benar mengukuhkan keyakinan tauhid dan membuatkan akhlak terpuji (Al-Ghazali 2008, Az-Zarnuji 2001). Kekeliruan dalam mengenali ilmu yang benar menyebabkan pandangan alam umat Islam turut terkeliru sehingga mengakibatkan umat Islam terjebak dengan masalah akidah, ibadah dan akhlak dalam segenap dimensi kehidupan, sama ada politik, ekonomi, pendidikan maupun sosial.

Kekeliruan ilmu bukan bermaksud tiada ilmu, tetapi terkeliru dalam meletakkan ilmu pada hierarki sebenar mengikut pandangan alam Islam. Kekeliruan ilmu menyebabkan penguasaan ilmu yang dimiliki oleh seseorang tidak dapat membawa pemiliknya kepada tujuan paling tinggi iaitu pengenalan kepada Allah SWT (Al-Attas 2013, Malik Badri 2001, Noor Hisham 2015).

Generasi muda Muslim umumnya menerima agama Islam sebagai satu bentuk identiti bangsa dan budaya yang diwariskan oleh nenek moyang, walhal Islam merupakan agama yang berteraskan kepada prinsip ilmu dan kebenaran. Dalam konteks Malaysia, gejala sosial dan masalah akhlak dalam kalangan umat Islam menggambarkan masalah kekeliruan ilmu ini (Nurul Husna et al. 2017, Rezki Perdani et al. 2019, Nor Afian et al. 2018). Dalam pendidikan pula, meskipun mata pelajaran Pendidikan Islam diwajibkan dan saban tahun dilaporkan majoriti lulus peperiksaan dengan gred yang cemerlang, namun masalah akhlak tetap semakin meningkat (Abshah Atiah & Mohd Isa 2019, Abdul Jamir et al. 2012, Seri Kartini & Fariza 2013, Asmawati et al. 2012).

Justeru, terdapat kepentingan untuk menyelidik perkara yang lebih mendasar iaitu apakah kepercayaan konsep ilmu yang dipegang oleh pelajar? Adakah pelajar memiliki kepercayaan yang tepat mengenai ilmu dalam Islam? Apakah sumber dan saluran yang digunakan oleh pelajar untuk mendapatkan ilmu? Adakah pelajar mengetahui sifat ilmu yang benar? Adakah pelajar mengetahui dan percaya hubungan ilmu dengan iman kepada Allah SWT? Adakah masalah penghayatan akhlak berpunca dari ilmu yang tidak diamalkan, atau, dari kepercayaan yang keliru tentang ilmu dalam Islam? Justeru, penulisan kertas kerja ini bertujuan melihat tahap kepercayaan konsep ilmu dan tahap penghayatan akhlak pelajar. Seterusnya menganalisis pengaruh kepercayaan konsep ilmu Islam terhadap penghayatan akhlak mereka.

KEPERCAYAAN KONSEP ILMU DAN PENGHAYATAN AKHLAK DALAM PENDIDIKAN ISLAM

Faham ilmu atau epistemologi Islam adalah satu bidang kajian mengenai asal usul, sifat-sifat dan metod dalam mencapai kepastian ilmu. Faham ilmu dalam Islam mempunyai perkaitan yang langsung dengan iman kerana paradigma dalam epistemologi Islam adalah berasaskan tauhid (Al-Attas 2013, Al-Faruqi 1992). Kayu ukur epistemologi Islam adalah berasaskan wahyu dari Allah SWT. Namun begitu, epistemologi Islam tidak menolak atau merendahkan fungsi dan kepentingan pemerhatian empirikal, eksperimen saintifik dan pemikiran manusia dalam mencari ilmu dan kebenaran (Mohd Kamal 2010, Omar Kasule 2009, Osman 2008).

Kepercayaan yang tepat terhadap ilmu menyebabkan manusia dapat membina pengetahuan dan keyakinan kepada konsep penting yang lain seperti (i) konsep Tuhan, (ii) konsep manusia, (iii) konsep ilmu, (iv) konsep wahyu, (v) konsep alam (vi) konsep realiti dan kebenaran (vii) konsep akhlak dan nilai (Hamid Fahmy 2005, Al-Attas 1999, Al-Syaibani 1991, Hassan Langgulung 1999). Berdasarkan pandangan Al-Ghazali (2000), Al-Attas (1978, 1990, 2013), Az Zarnuji (2001) dan Al-Buti (2009) perbincangan konsep ilmu dibahagikan kepada (i) definisi dan sifat ilmu, (ii) tujuan ilmu, (iii) sumber ilmu, (iv) kesepaduan ilmu dan (v) kaedah menuntut ilmu. Bentuk dan jenis pendidikan yang dilalui oleh seseorang sama ada berlandaskan kepada konsep ilmu dan pandangan alam yang benar atau tidak adalah faktor utama yang menentukan peribadi, sikap dan tingkah laku seseorang individu (Mohd Shukri 2013, Fadzila Azni 2012).

Istilah kepercayaan konsep ilmu Islam yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kepercayaan yang dipegang oleh individu dalam menilai ilmu. Aspek terpenting dalam kepercayaan tersebut adalah (i) sifat, (ii) tujuan menuntut ilmu, (iii) sumber ilmu, (iv) kesepaduan ilmu dan (v) kaedah menuntut atau mencapai ilmu tersebut. Aspek ini digabungkan berdasarkan pandangan Al Ghazali (1988), Az-Zarnuji (2001), Al-Syaibani (1991), Al-Buti (1996), Al-Attas (1990).

Akhhlak adalah keadaan jiwa yang menentukan tindak tanduk manusia (Ibn Manzur 1994). Al-Ghazali (1988) dan Miskawayh (1968) menyatakan akhlak sebagai keadaan jiwa yang mendorong lahirnya tindakan, perlakuan, perilaku atau amalan yang dilakukan secara mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ciri utama akhlak merangkumi kesedaran terhadap sesuatu amalan dan kesannya.

Oleh itu, istilah penghayatan akhlak yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada kesedaran seseorang dalam menjaga hubungan dan melaksanakan tanggungjawab kepada pihak tertentu secara lazim kerana telah menjadi tabiat dirinya. Penghayatan akhlak yang difokuskan dalam kajian ini merujuk kepada hubungan berakhhlak dengan Allah SWT, diri sendiri, ibu bapa, guru dan rakan. Ciri akhlak yang dihuraikan dalam kajian ini adalah merujuk kepada perbahasan Al Ghazali (2000) dan Az-Zarnuji (2001) yang disesuaikan dalam konteks kehidupan harian seorang pelajar.

Dalam konteks pendidikan, akhlak yang baik boleh dibentuk dan dipelajari. Pembentukan akhlak lebih berkesan melalui teladan dan pembiasaan yang baik berbanding dengan pengajaran secara formal (Fathiyah & Asmawati 2012, Mohd Kahiri & Asmawati 2010). Akhlak sejalan dengan fitrah dan akal yang sihat serta dapat memenuhi keperluan manusia sama ada secara individu dan masyarakat. Akhlak dipengaruhi oleh faktor waktu, tempat, situasi, keadaan masyarakat, cita-cita dan pandangan hidup. Tujuan terakhir akhlak adalah untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat bagi individu dan masyarakat. Islam melihat akhlak sebagai kemuncak amal, iman dan Islam. Justeru, akhlak adalah tujuan terakhir dalam pendidikan. Pendidikan yang gagal melahirkan manusia yang berakhhlak adalah satu usaha yang sia-sia. Pendidikan akhlak dan nilai tidak memadai dengan kefahaman intelek semata-mata. Ia perlu disempurnakan dengan proses pendidikan yang melibatkan hati nurani yang bersih. Pendidikan nilai yang berorientasikan akal sahaja tidak mampu menumbuhkan nilai akhlak yang dikehendaki. Oleh demikian dalam membina akhlak, pengajar atau pendidik perlu mempunyai kualiti yang baik dari aspek peribadi dan sahsiah agar dapat dicontohi oleh pelajar (Al-Ghazali, Az Zarnuji 2001, Hamka 2003, Hassan Langgulung 2004).

Di samping itu, dalam konteks pendidikan juga, konsep akhlak mempunyai perkaitan rapat dengan adab. Ta'dib berasal dari perkataan *addaba* yang bererti mendidik, melatih berdisiplin, memperbaiki, mengambil tindakan, beradab, sopan, berbudi baik, mengikut jejak akhlaknya. Kata ta'dib mula digunakan secara meluas apabila Imam Bukhari (2011) menggunakan kalimah *al-adab* dalam kitabnya, *Adab alMufrad*. Seterusnya para ulama yang lain turut menggunakan kalimah itu dalam kitab mereka. Contohnya Ibnu Sahnun dalam kitabnya *Adab al-Muallimin wa al Muta'allimin*, *Khatib al-Baghdadi* dalam *al-Jami' Lii al-Akhlaq al-Rawi wa Adab al-Sami'* dan Ibn Jamaah dalam kitabnya *Tadzkirah al-Sami' wa al-Mutakallim fi Adab al-Alim wa al-Muta'allim* (Sa'duddin 2011). Kalimah adab di dalam hadis yang merujuk kepada maksud pendidikan adalah seperti, "*Addabani Rabbi fa ahsana Ta'adibi*" yang bermaksud, "Tuhanku telah mendidikku dan itulah sebaik-baik pendidikan." Dalam riwayat Ibnu Majah, Nabi SAW bersabda, "*Akrimu auladakum wa ahsinu adabahum*" yang bermaksud "Muliakan anak-anak kalian dan perbaiki adab mereka."

Al-Attas (1980, 2005) secara konsisten menyatakan bahawa kalimah ta'dib adalah kalimah yang paling tepat untuk menjelaskan pendidikan menurut Islam. Ini disebabkan oleh tujuan utama pendidikan Islam adalah membentuk adab dalam diri setiap insan. Penggunaan istilah tarbiyah adalah terlalu luas kerana kalimah itu juga boleh digunakan untuk haiwan. Al-Attas (1990:30) juga telah mendefinisikan adab sebagai, "Pengenalan dan pengakuan tentang hak keadaan sesuatu dan kedudukan seseorang dalam rencana susunan berperingkat martabat dan darjah yang merupakan hakikat yang berlaku dalam tabiat alam semesta."

Pengenalan adalah ilmu dan pengakuan adalah amal. Pengenalan tanpa pengakuan adalah ilmu tanpa amal. Keadaan ini mengandungi sifat keingkaran dan keangkuhan. Pengakuan tanpa pengenalan pula adalah amal tanpa ilmu. Keadaan seperti ini adalah sifat kejahilan. Kedua-duanya adalah buruk dan sia-sia. Istilah *ta'dib* dalam merujuk kepada pendidikan adalah disebabkan oleh adab sangat berkait rapat dengan ilmu. Ilmu tidak akan dapat disampaikan kepada seseorang, atau tidak akan dapat difahami dan dihayati oleh seseorang sehingga orang tersebut memiliki adab yang sesuai dengan ilmu pengetahuan dalam bidang tersebut. Lantaran itu, pendidikan dalam Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu atau *ta'lim*, sebaliknya jauh ke dalam sehingga membentuk adab dalam diri insan. Pendidikan dalam Islam menyepadukan dua dimensi utama iaitu nilai kemanusiaan yakni akhlak sesama makhluk dan nilai uluhiyah yakni akhlak kepada Pencipta (Adian Husaini 2012, Mohd Kamal 2010, Mohd Nasir 2003). Tuntasnya dapat dikatakan bahawa akhlak adalah (i) perbuatan yang tertanam kuat dalam jiwa seseorang sehingga menjadi keperibadiannya, (ii) dilakukan dengan mudah tanpa perlu kepada proses pemikiran (iii) berlaku tanpa paksaan atau tekanan dari luar, (iv) dilakukan dengan sesungguhnya dan (v) dilakukan dengan ikhlas kerana Allah SWT.

Antara ukuran baik dan buruk dalam Islam adalah (i) menepati syariat Allah, (ii) niat untuk mendapat keredhaan Allah, (iii) mengharapkan balasan syurga dan menghindari neraka dan (iv) keserasian antara zahir dan batin (Asmawati 2009). Rasulullah SAW adalah insan yang paling sempurna dalam merealisasikan saranan akhlak dalam Al-Quran. Amalan dan percakapan Rasulullah SAW yang direkodkan dalam sunnah baginda menjadi panduan orang beriman untuk mengamalkan akhlak yang terpuji sepanjang kehidupan (Al-Buti 2009, Fazlur Rahman 2007).

Pada asasnya, akhlak dalam Islam adalah berlandaskan kepada beberapa prinsip yang jelas iaitu, (i) keimanan kepada Allah dan Rasul, (ii) ukuran baik atau buruk sesuatu perbuatan adalah berdasarkan ketentuan yang ditetapkan oleh Allah SWT melalui wahyu, (iii) tanggungjawab manusia adalah untuk memikul peranan sebagai hamba dan khalifah, (iv) kedudukan akal dan naluri manusia tidak boleh dijadikan kayu ukur sepenuhnya dalam menentukan baik dan buruk, jadi akal perlu patuh kepada peraturan Allah SWT dalam wahyu, (v) mendokong prinsip persamaan dan menolak segala sistem kelas mengikut warna kulit, puak, bahasa dan sebagainya, (vi) mendokong prinsip kebebasan untuk memilih mengikut pilihan yang dibenarkan oleh Allah SWT dan (vii) mendokong prinsip tanggungjawab yakni setiap insan bertanggungjawab atas pilihan dan tindakannya (Al-Attas 2013, Al Mawdudi 1966, Mohd Nasir 2003).

Ringkasnya, usaha utama dan paling awal dalam merealisasi penghayatan akhlak sebagai seorang Muslim adalah dengan memiliki kerangka kepercayaan yang tepat tentang konsep ilmu. Skema kepercayaan seseorang tentang sumber, sifat dan tujuan ilmu akan banyak mempengaruhi pengendalian seseorang ke atas dirinya.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini melibatkan 1368 orang pelajar yang dipilih berdasarkan persampelan kelompok pelbagai peringkat (*multistage cluster sampling*). Pemilihan dilakukan bagi mewakili zon dan bidang pengajian yang berbeza.

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 3 bahagian. Bahagian A mengandungi soalan berkaitan latar belakang responden atau demografi responden iaitu jantina, umur, tahap semester pengajian, bidang pengkhususan dan lokasi tempat pengajian. Bahagian B ialah konstruk kepercayaan konsep ilmu (KKI) dibina berdasarkan pandangan Al-Ghazali

(1988), Al-Attas (1978), Az-Zarnuji (2001) dan Nasr (2010). Item untuk bahagian ini dipecahkan kepada lima subkonstruk iaitu sifat ilmu (KIA1-KIA10), tujuan ilmu (KIB11-KIB22), sumber ilmu (KIC23-KIC36), kesepaduan ilmu (KID37-KID55) serta kaedah menuntut ilmu (KIE56-KIE77). Kesemua item ini menggunakan skala likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) kurang setuju, (4) setuju dan (5) sangat setuju.

Bahagian C ialah konstruk penghayatan akhlak yang diubahsuai dari soal selidik yang digunakan oleh Azhar (2006), Azimi Hamzah et al. (2007) dan mengambil rujukan dari perbahasan Al-Ghazali (1988) mengenai akhlak. Item yang terlibat adalah sebanyak 44 item. Skala yang digunakan untuk item ini adalah skala likert iaitu (1) sangat tidak setuju, (2) tidak setuju, (3) kurang setuju, (4) setuju dan (5) sangat setuju. Berikut adalah jadual yang menunjukkan kandungan soal selidik kajian.

Jadual 1 di bawah menunjukkan kandungan soal selidik kajian mengikut lima bahagian utama:

Jadual 1: Kandungan soal selidik kajian

Bahagian	Kandungan	Rujukan	Kod Item
A	Latar belakang	Ahmad Munawar (2008), Azma (2006), Azimi Hamzah et al. (2007)	
B	Kepercayaan Konsep Ilmu (KKI) Sifat ilmu Tujuan ilmu Sumber ilmu Kesepaduan ilmu Kaedah tuntut ilmu	Al-Ghazali (1988), Nasr (2010), Al-Attas (1978) dan Az-Zarnuji (2001)	KKI KIA1-10 KIB 11-22 KIC 23-36 KID 37-55 KIE 56-77
C	Penghayatan akhlak Akhhlak kepada Allah Akhhlak kepada diri Akhhlak kepada ibubapa Akhhlak kepada guru Akhhlak kepada orang lain	Azhar (2006), Azimi Hamzah et al. (2007), Al- Ghazali (1988)	PA PAA141-152 PAD153-162 PAD163-169 PAD170-174 PAD175-185

Bagi mendapatkan kesahan instrumen soal selidik, proses semakan panel dan analisis faktor dilakukan. Instrumen soal selidik mencapai tahap kebolehpercayaan item keseluruhan yang tinggi iaitu 0.97 serta tahap kebolehpercayaan yang diterima iaitu 0.60 ke atas bagi setiap subkonstruk.

Bagi data deskriptif, interpretasi skor min adalah mengikut skor min yang dicadangkan oleh Nunnally (1978) dan digunakan dalam kajian Ahmad Munawar (2008), Azhar (2006) dan Norasmah (2001). Jadual 2 di bawah menunjukkan nilai skor min dan interpretasi yang diberikan.

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunnally 1978 dan Azhar 2006

Untuk menganalisa data, analisa regresi digunakan bagi melihat wujud atau tidak pertalian secara linear antara beberapa pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah bersandar dan membuat ramalan secara linear. Ujian regresi juga membolehkan pengkaji membuat andaian berkaitan nilai yang bergantung antara dua pemboleh ubah. Ketepatan andaian berkait rapat dengan kekuatan pertalian antara dua pemboleh ubah (Coakes 2005, Hair et al. 1998, Alias 1996, Mohd Majid 2004). Analisa regresi juga digunakan untuk mendapat maklumat tentang kadar sumbangan pemboleh ubah bebas terhadap jumlah varians pemboleh ubah bersandar dengan melihat kepada nilai pekali R² (Hair et al. 2006, Alias 1996).

DAPATAN KAJIAN

Responden Soal Selidik

Bahagian profil responden melaporkan aspek latar belakang demografi seperti jantina, umur dan zon atau kawasan. Responden yang terlibat dengan kajian ini adalah seramai 1368 orang pelajar diploma. Namun, setelah pembersihan data dilakukan iaitu dengan mengasingkan soal selidik yang tidak lengkap, analisa soal selidik melibatkan 1313 orang responden. Jadual 3 menunjukkan profil responden mengikut jantina, umur dan zon pelajar terlibat.

Jadual 3: Profil responden mengikut jantina, umur dan zon

Kategori	Kumpulan	Kekerapan	Peratus
Jantina	Lelaki	448	34.1
	Wanita	865	65.9
Umur	18-20	918	69.9
	21-23	392	29.9
	24-26	2	0.2
	27-29	1	0.1
Zon Utara	Kedah	111	8.5
	P.Pinang	49	3.7
	Perlis	176	13.4
	Perak	203	15.5
Timur	Kelantan	127	9.7
	Terengganu	124	9.4
	Pahang	138	10.5
Tengah	Puncak Alam	31	2.4
	Puncak Perdana	25	1.9
	Negeri Sembilan	93	7.1
Selatan	Melaka	112	8.5
	Johor	124	9.4

Jumlah responden lelaki adalah seramai 448 orang (34.1%), manakala responden perempuan adalah seramai 865 orang (65.9%). Kelompok umur yang paling ramai adalah antara 18 sehingga 20 tahun iaitu seramai 918 orang (69.9%), diikuti oleh kelompok umur 21 sehingga 23 tahun iaitu seramai 392 orang (29.9%), kemudian 24 sehingga 26 tahun seramai 2 orang (0.2%) dan seorang (0.1%) dari kelompok umur 27 sehingga 29 tahun. Dari pada jumlah keseluruhan responden juga, seramai 539 (41.1%) orang mewakili zon utara iaitu Kedah seramai 111 orang (8.5%), Pulau Pinang seramai 49 orang (3.7%), Perlis seramai 176 orang

(13.4%) dan Perak seramai 203 orang (15.5%). Bagi zon Timur, seramai 389 orang (29.6%) yang terdiri dari Kelantan seramai 127 orang (9.7%), Terengganu seramai 124 orang (9.4%) dan Pahang 138 orang (10.5%). Seramai 149 orang (11.3%) mewakili zon Tengah iaitu dari Puncak Alam seramai 31 orang (2.4%), Puncak Perdana seramai 25 orang (1.9%) dan Negeri Sembilan seramai 93 orang (7.1%). Zon Selatan pula adalah seramai 236 orang (18.0%) iaitu Melaka seramai 112 orang (8.5%) dan Johor seramai 124 orang (9.4%).

Tahap kepercayaan konsep ilmu Islam

Dapatkan min dan sisihan piawai bagi kepercayaan konsep ilmu dan semua subkonstruk yang terlibat ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Skor min dan sisihan piawai tahap kepercayaan konsep ilmu Islam

Kod	Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
KIB	Tujuan ilmu	4.62	0.44	Tinggi
KIA	Sifat dan ciri ilmu	4.55	0.46	Tinggi
KIE	Kaedah mendapatkan ilmu	4.50	0.44	Tinggi
KID	Kesepaduan ilmu	4.28	0.49	Tinggi
KIC	Sumber ilmu	4.20	0.50	Tinggi
KI	Keseluruhan	4.43	0.36	Tinggi

Keputusan analisa deskriptif menunjukkan bahawa tahap kepercayaan konsep ilmu adalah tinggi ($\text{min}=4.43$, $s.p.=0.36$). Semua subkonstruk juga menunjukkan skor min yang tinggi. Subkonstruk tertinggi adalah KIB iaitu “Tujuan ilmu” ($\text{min}=4.62$, $s.p.=0.44$), diikuti dengan KIA iaitu “sifat ilmu” ($\text{min}=4.55$, $s.p.=0.46$), kemudian KIE iaitu “kaedah mendapatkan ilmu” ($\text{min}=4.50$, $s.p.=0.44$), seterusnya KID iaitu “kesepaduan ilmu” ($\text{min}=4.28$, $s.p.=0.49$) dan terakhir sekali adalah KIC iaitu “sumber ilmu” ($\text{min}=4.20$, $s.p.=0.50$). Analisis ini memberi indikator bahawa kepercayaan responden mengenai kepercayaan konsep ilmu adalah baik. Namun begitu, apabila dua elemen yang mempunyai ruang untuk ditingkatkan adalah kesepaduan ilmu dan sumber ilmu.

Tahap penghayatan akhlak

Berdasarkan jadual 5 interpretasi yang boleh diberikan terhadap tahap penghayatan akhlak responden adalah baik.

Jadual 5: Skor min dan sisihan piawai tahap penghayatan akhlak

Kod	Subkonstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
PAIB	Akhhlak kepada ibu bapa	4.37	0.54	Tinggi
PAA	Akhhlak kepada Allah	4.29	0.55	Tinggi
PAG	Akhhlak kepada guru	4.12	0.65	Tinggi
PAR	Akhhlak kepada rakan	4.01	0.60	Tinggi
PAD	Akhhlak kepada diri	3.97	0.65	Sederhana Tinggi
PA	Keseluruhan	4.15	0.50	Tinggi

Skor min penghayatan akhlak yang dicapai adalah 4.15 dengan sisihan piawai 0.50. Subkonstruk yang mencapai skor min tertinggi adalah akhlak kepada ibubapa ($\text{min}=4.37$, $s.p.=0.54$), diikuti dengan akhlak kepada Allah SWT ($\text{min}=4.29$, $s.p.=0.55$), seterusnya akhlak kepada guru ($\text{min}=4.12$, $s.p.=0.65$). Akhlak kepada rakan pula mencapai skor min 4.01 dengan sisihan piawai 0.60. Skor min yang terendah dengan petunjuk tahap sederhana tinggi adalah

akhlak kepada diri sendiri ($\text{min}=3.97$, $s.p.=0.65$). Dapatkan ini memberi indikator bahawa penghayatan akhlak pelajar terhadap Allah SWT, ibubapa dan guru adalah baik, namun begitu, akhlak kepada rakan dan diri sendiri perlu diberi perhatian kerana skor min yang dicapai adalah agak rendah berbanding subkonstruk yang lain.

Pengaruh kepercayaan konsep ilmu Islam terhadap penghayatan akhlak

Keputusan ujian regresi dalam jadual 6 menunjukkan KI (kepercayaan konsep ilmu Islam) merupakan faktor penyumbang kepada penghayatan akhlak ($\beta = 0.50$, $t = 21.16$, $p = 0.00$, $p < 0.05$). KI (kepercayaan konsep ilmu Islam) memberi sumbangan yang signifikan kepada PA (penghayatan akhlak). Nilai R² iaitu 0.25 yang ditunjukkan dalam jadual model memberi maksud hanya 25 peratus ($r=0.51$) perubahan dalam kepercayaan konsep ilmu yang menyumbang kepada perubahan penghayatan akhlak. Analisis ini meramalkan bahawa apabila kepercayaan konsep ilmu meningkat seunit, maka skor penghayatan akhlak akan meningkat sebanyak 0.505 unit.

Jadual 6: Pengaruh kepercayaan konsep ilmu kepada penghayatan akhlak

	B	Ralat Piawai	β	t	Sig.	R ²	R ² Terlaras	r
(Constant)	1.068	0.146		7.307	0.00			
skor_KI	0.696	0.033	0.505	21.159	0.00	0.255	0.254	0.505

Pemboleh ubah bersandar: Penghayatan Akhlak

Selanjutnya, jadual 7 di bawah menunjukkan kadar kekuatan pengaruh subkonstruk kepercayaan konsep ilmu Islam terhadap penghayatan akhlak. Keputusan ujian menunjukkan bahawa subkonstruk kaedah menuntut ilmu ($R^2=0.28$, $r=0.53$) menyumbang sebanyak 28 peratus kepada perubahan penghayatan akhlak. Selain itu, sebanyak 30 peratus pengaruh ke atas perubahan PA (penghayatan akhlak) disumbangkan oleh faktor kombinasi subkonstruk KIE (kaedah menuntut ilmu) dan KIB (tujuan menuntut ilmu) ($R^2=0.30$, $r=0.55$). Kombinasi perubahan antara faktor KIE (kaedah menuntut ilmu), KIB (tujuan menuntut ilmu) dan KID (kesepaduan ilmu) pula menyumbang kepada perubahan penghayatan akhlak sebanyak 31 peratus ($R^2=0.31$, $r = 0.56$). Akhir sekali, kombinasi perubahan semua subkonstruk kecuali subkonstruk KIA (sifat ilmu) menyumbang kepada perubahan penghayatan akhlak sebanyak 31 peratus ($R^2 = 0.31$, $r = 0.56$).

Jadual 7: Rumusan model pengaruh subkonstruk kepercayaan konsep ilmu Islam ke atas kepercayaan beragama

Model	R	R ²	Anggaran Ralat Piawai
1	0.53a	0.28	0.42
2	0.55b	0.30	0.42
3	0.56c	0.31	0.42
4	0.56d	0.31	0.41

Peramal a:Kaedah tuntut ilmu

Peramal b: Kaedah tuntut ilmu, tujuan ilmu

Peramal c: Kaedah tuntut ilmu, tujuan ilmu, kesepaduan ilmu

Peramal d: Kaedah tuntut ilmu, tujuan ilmu, kesepaduan ilmu, sumber ilmu

PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya, interpretasi analisis min menunjukkan bahawa tahap kepercayaan konsep ilmu para pelajar adalah tinggi. Dengan keputusan analisis min tersebut, dapatlah dikatakan bahawa majoriti pelajar mempunyai kepercayaan yang baik terhadap prinsip dan ciri umum ilmu dari perspektif Islam. Selaku penuntut ilmu, pelajar didapati jelas dengan apa yang hendak dituntut,

iaitu ilmu (Az-Zarnuji 2010). Apabila pelajar memahami sifat ilmu, pelajar akan memiliki kecenderungan dan kehendak yang sempurna terhadap ilmu yang ingin dipelajari (Al-Ghazali 2000, Mahmoud Mrglani 2012). Justeru, sekiranya pelajar berdepan dengan kesukaran dalam proses pembelajaran yang dilalui, pelajar akan tetap terus cekal berusaha sehingga natijah ilmu yang dihajati tercapai.

Namun begitu, penelitian yang lebih terperinci terhadap setiap aspek dalam kepercayaan konsep ilmu yang dikaji mendapat bahawa tahap min yang dicapai adalah tidak sekata dan menunjukkan julat perbezaan min yang agak jelas. Terdapat aspek yang menghampiri tahap yang sangat tinggi seperti aspek tujuan ilmu (KIB), sifat ilmu (KIA) dan kaedah menuntut ilmu (KIE). Manakala, aspek kesepaduan ilmu (KID) dan sumber ilmu (KIC) didapati berada di tahap yang menghampiri tahap sederhana tinggi. Tahap min yang agak berbeza antara satu aspek dengan aspek yang lain memberi indikator bahawa kepercayaan pelajar mengenai konsep ilmu Islam adalah di peringkat asas dan belum lagi mencapai tahap kepercayaan konsep ilmu yang sempurna. Penilaian tersebut adalah berdasarkan skor min terendah yang dicatatkan adalah aspek kesepaduan ilmu (KID) dan sumber ilmu (KIC), sedangkan kedua-dua aspek ini kritikal kerana menjadi titik pembeza antara konsep ilmu dan Barat (Mohd Rushdan 2019, Mahyuddin et al. 2018, Hamid Fahmy 2010, Noor Hisham 2011, Tajul Ariffin 1997).

Kepercayaan terhadap sumber ilmu yang baik diperlukan sebagai panduan untuk pelajar meneliti sesuatu maklumat atau dakwaan sama ada boleh diterima atau pun tidak. Kepercayaan terdapat kedudukan sumber ilmu juga penting untuk proses pembuktian dan penghujahan (Khalif Muammar 2011, Mohd Farid 2012). Aspek sumber ilmu turut terkait secara langsung dengan perkara keimanan yang diwajibkan ke atas Muslim, iaitu keimanan kepada Allah SWT, rasul dan kitab. Keseluruhan pandangan alam dan ajaran Islam bersandarkan sepenuhnya kepada sumber ilmu yang terkandung dalam wahyu Ilahi. Justeru, kepercayaan yang kabur dalam aspek melihat sumber ilmu dalam Islam boleh mengarah kepada salah faham terhadap keseluruhan ajaran Islam, termasuklah dalam menetapkan matlamat hidup dan tujuan menuntut ilmu (Mohd Anuar & Che' Razi 2020, Khalif Muammar 2014, Mohd Zaidi 2015, Mohd Rushdan 2019).

Penelitian terhadap item dalam aspek kesepaduan ilmu juga memperlihatkan wujudnya sedikit kekaburuan pelajar tentang kedudukan ilmu fardhu ain yang berhierarki lebih tinggi berbanding ilmu fardhu kifayah. Konsep ilmu yang dipercayai oleh pelajar masih dalam bentuk yang terpisah-pisah kerana ilmu pengajian yang diikuti dilihat sebagai bidang ilmu yang berdiri sendiri tanpa ada kesinambungan dengan bidang ilmu yang lain (Noor Hisham 2011, Mahyudin et al. 2018, Yahaya & Azhar 2012). Pelajar didapati kurang berkemampuan mengaitkan secara langsung ilmu yang dipelajari dengan persoalan yang lebih mendasar iaitu konsep Tauhid kepada Allah SWT dalam kehidupan.

Seterusnya, analisis min terhadap penghayatan akhlak meskipun tinggi, namun tahap akhlak kepada diri berada di tahap yang agak rendah berbanding aspek lain. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa pelajar kurang berupaya menjauhi perbuatan yang sia-sia dan kurang bersungguh-sungguh mengawasi diri dari terjebak dengan kemungkar. Masalah ini mungkin disebabkan oleh pengaruh negatif rakan-rakan dan lemahnya diri untuk bermujahadah. Maka, pelajar berterusan melakukan perkara yang tidak berfaedah serta boleh memberi kesan negatif kepada diri (Absha Atiah & Mohd Isa 2019, Ma Razhanlalily & Salasiah Hanim 2016).

Selain itu, dapatkan kajian juga menunjukkan bahawa pelajar sangat kurang melazimi amalan memuhasabah diri. Muhasabah diri adalah satu kaedah yang disarankan oleh Rasulullah SAW agar manusia meneliti perbuatan baik dan buruk yang dilakukan sehari-hari. Muhasabah atau

refleksi terhadap diri sendiri merangsang manusia untuk berdepan dengan kesilapan dan kelemahan diri, dan seterusnya memasang azam untuk memperbaikinya (Abdullah Nasih Ulwan 2004). Jadi secara tidak langsung, amalan ini membuka ruang kepada manusia untuk berhubung dengan diri sendiri agar melakukan tindakan yang membawa manusia ke satu tahap yang lebih positif. Tanpa muhasabah diri, tingkah laku yang salah dan sia-sia akan berlangsung secara berulang-ulang sehingga menjadi akhlak yang kekal dalam diri seseorang (Siti Suhaila et al 2018, Nur Aqliriana & Azzyati 2018).

Namun begitu, dapatan kajian dalam aspek akhlak kepada diri juga menunjukkan bahawa pelajar mempunyai keinginan untuk terus memperbaiki diri dengan berusaha mendalami ilmu agama. Selain itu, pelajar juga didapati melazimi amalan memohon ampun dan berzikir kepada Allah SWT. Dapatkan ini secara tidak langsung boleh menggambarkan bahawa meskipun pelajar lazim melakukan perbuatan yang sia-sia bersama kawan-kawan, namun, di setiap hati kecil mereka, masih terdapat keinginan untuk mereka berubah menjadi insan yang diampuni dan dikasihi oleh Allah SWT. Dalam kata lain, kesedaran pelajar melakukan amalan tersebut menonjolkan fitrah bertuhan yang wujud dalam diri setiap insan (Al-Ghazali 2005, Yasien 2000). Kecenderungan yang positif ini juga dapat dilihat dalam jawapan pelajar dalam aspek tujuan menuntut ilmu yang mendapati tujuan mengenali Allah SWT sebagai Tuhan sebagai tujuan menuntut ilmu yang paling utama (Musmuliadi & Suriadi 2018, Nur Khairunnisa et al 2020).

Dalam analisis regresi, aspek kaedah menuntut ilmu (KIE) memberi sumbangan terbesar kepada penghayatan akhlak. Kaedah menuntut ilmu yang ditekankan dalam kajian ini adalah amalan lazim yang ditekankan oleh para ulama agar memudahkan kefahaman dan penghayatan kepada ilmu yang dipelajari. Amalan tersebut bersabit dengan amalan fizikal dan juga rohani. Oleh demikian, boleh difahami bahawa rutin seperti berwuduk sebelum mengulang kaji, berdoa, memperbaharui niat, berzikir dan bertafakur serta menjaga pemakanan bukan sahaja baik untuk meningkatkan keupayaan dan fokus dalam belajar, malah turut meninggalkan kesan terhadap akhlak seseorang. Oleh itu, melalui dapatan ini, boleh dikatakan bahawa adab adalah tujuan ilmu dan sekaligus menjadi kaedah menuntut ilmu yang efektif.

Selain itu, dapatan ini juga menjelaskan bahawa kepercayaan yang tepat terhadap sifat, tujuan dan sumber ilmu adalah tidak mencukupi untuk memperbaiki akhlak. Seseorang itu perlu mempraktikkan ilmu dan kaedah yang disarankan oleh ulama atau guru mursyid supaya akhlak yang baik benar-benar berhasil dalam jiwa. Dapatkan ini secara tidak langsung menghuraikan pandangan Al-Ghazali (1988) dan Mahmoud Mrglani (2012) bahawa ilmu yang banyak tidak akan memberi manfaat jika seseorang tidak melakukan amal ibadah kepada Allah. Oleh itu, amalan yang istiqamah juga penting dalam memperbaiki akhlak, walaupun amalan tersebut hanyalah amalan yang ringan dan kecil seperti melazimi doa atau selawat sebelum belajar (Ahmad Firdaus et al. 2019, Masuriyati 2019, Mohd Anuar & Muhammad Mustaqim 2019).

Di samping itu, dapatan kajian ini juga memberi isyarat bahawa semua tips dan kaedah yang betul dalam menuntut ilmu wajar diusahakan oleh semua penuntut ilmu jika ingin berjaya sepenuhnya dalam bidang yang diceburi. Saranan ini juga bermakna pelajar perlu memastikan hati dan akal fikiran sejahtera dari perkara yang menghalang ilmu. Amalan melazimi zikir, tafakur dan berdoa di samping menjaga kesihatan dengan mengambil pemakanan sihat dan bergaul dengan rakan yang baik didapati secara tidak langsung memandu pelajar untuk berakhlek mulia. Hal ini juga bermaksud, bukan sahaja ilmu dapat menghasilkan akhlak mulia, tetapi usaha untuk menuntut ilmu juga adalah jalan untuk mendapat akhlak yang mulia (Az-Zarnuji 2001, Mohd Anuar & Muhammad Mustaqim 2019).

Melalui dapatan kajian yang memperlihatkan kaedah menuntut ilmu (KIE) sebagai penyumbang terbesar kepada penghayatan akhlak juga, maka dapat dirumuskan bahawa aspek praktikal dan amalan lebih memberi kesan kepada pembentukan sikap dan penghayatan akhlak pelajar. Pengajaran yang berteraskan penyampaian teori semata-mata hanya membekalkan pengetahuan kepada pelajar, tetapi pengajaran yang melibatkan aspek amalan dan praktikal lebih baik dari sudut keberkesanannya (Ahmad Firdaus et al. 2020).

Oleh demikian, pensyarah perlu memandu pelajar mengenai amalan-amalan yang ringkas tetapi berkesan untuk meningkatkan hubungan dan pergantungan diri kepada Allah SWT. Amalan yang ringkas dan dapat menghubungkan hati dengan Allah SWT itu tidak semestinya terikat dengan ibadah khusus seperti solat. Tetapi, amalan seperti zikir, berdoa dan melazimi kata-kata peneguhan dalam berbaik sangka dengan Allah SWT semasa pembelajaran adalah baik untuk meningkatkan tahap kesedaran akhlak pelajar. Amalan ringkas ini adalah rangsangan yang diberikan secara tidak langsung agar pelajar menghubungkan segala aktiviti kehidupan, khususnya semasa belajar dengan Allah SWT. Dengan itu, diharapkan kesedaran hubungan dengan Allah SWT itu juga dapat diteruskan dalam aktiviti kehidupan yang lain (Norsaleha 2015, Noor Farah Asmira 2020, Mohd Anuar & Muhammad Mustaqim 2019).

PENUTUP

Kesimpulannya, dapat dikatakan bahawa kepercayaan konsep ilmu adalah antara faktor yang menyumbang kepada penghayatan akhlak pelajar. Kepercayaan yang tepat terhadap kaedah menuntut ilmu dan kesepadan ilmu dilihat paling utama dalam mempengaruhi akhlak seseorang pelajar. Oleh itu, penumpuan kepada kedua-dua aspek tersebut wajar diambil perhatian oleh para pendidik agar akhlak pelajar dapat diperbaiki. Keperluan kepada aspek praktikal atau amali menerusi kaedah atau adab menuntut ilmu dijangka membantu untuk menerapkan penghayatan akhlak dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Abdul Jamir Md Saad, Ab. Halim Tamuri & A'dawiyah Ismail. 2012. Pembelajaran Aktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Berkesan Pendidikan Islam. *Jurnal IPG Kampus Pendidikan Islam*.1–22.
- Ahmad Firdaus Mohd Noor, Mohd Zahirwan Halim Zainal Abidin, Muhd Imran Ab Razak, Nurul Khairiah Khalid, Mohd Farhan Abd Rahman, Mukhtamad Khafiz Ab Basir, Kamarul Azmi Jasmi & Khairunnisa A Shukor. 2020. *Elemen pengurusan kelas pensyarah cemerlang pendidikan Islam di politeknik*. Jurnal Intelek 15 (2): 162-173.
- Ahmad Munawar Ismail. 2008. *Pengaruh Akidah Terhadap Penghayatan Akhlak PelajarPelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan. Bangi: UKM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1990. *The concept of education in Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2001. *Risalah untuk kaum Muslimin*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2013. *Islam: Faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2013. *Islam: Faham agama dan asas akhlak*. Kuala Lumpur: IBFIM.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2015. *On Justice and The Nature of Man*. Kuala Lumpur: IBFIM.

- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. 2009. *Kubra al-yaqiniyyat al-kawniyyat*. Damshiq: Dar al- Fikr.
- Al-Buti, Muhammad Said Ramadan. 1996. *Keyakinan hakiki-Kewujudan Maha Pencipta dan Tugas Makhluk di Alam Semesta*. Terj. Muhammad Sulaiman Yasin. Petaling Jaya: Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 1988. *Ihya' ulumuddin*. Terj. Ismail Yaacub. Jil. Ke-4. Singapura: Pustaka Nasional.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2008. *Al-Iqtisad fi al-iftiqad*. Anas Muhamad Adnan al-Sharfawi (pnyt.). Beirut: Dar al-Minhaj.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2008. *Penenang jiwa: Pengubatan dan rawatan*. Terj. Muhammad Qadirun Nur. Cheras: Wholesale Mart Business Point Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad. 2008. *Ringkasan ihyā' ulumuddin*. Terj. Abdul Rosyad Siddiq. Jil. Ke-2. Jakarta: Penerbit Akbar Media.
- Alias Baba. 1992. *Statistik penyelidikan dalam pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit UKM.
- Al-Syaibani. 1991. *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hasan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Asmawati Suhid & Fatiyah Mohd Fakhruddin. 2012. Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam : Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 4(2): 57–70.
- Aswati Hamzah. 2010. Analisis Terhadap Kemunculan Elemen Taklid Dalam Pembentukan Skema Taakulan Akhlak. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 25: 1–20.
- Az-Zarnuji, B. A. 2001. *Instruction of the student: The method of learning*. Trans. G.E. von Grunebaum, & T.M. Abel. Chicago: The Starlatch Press.
- Coakes, S. J. 2005. SPSS Version 12.0 for Windows Analysis without Anguish. Australia: National Library of Australia.
- Fauziah Ibrahim, Norulhuda Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhami Mohamad, Noremy Md Akhir & Salina Nen. 2012. *Memperkasakan pengetahuan agama dalam kalangan remaja bermasalah tingkah laku: Ke arah pembentukan akhlak remaja sejahtera*. Journal of Social Science and Humanities. 7(1): 84-93.
- Hair, J. E., Anderson, R. E., Tatham, R. L. & Black, W. C. 1998. *Multivariate data analysis*. Ed. Ke-5. New Jersey: Prentice Hall.
- Hair, J.F., Anderson, R.E., Tatham, R.L. & Black, W.C. 2006. *Multivariate Data Analysis*. Edisi Kelima. New Jersey: Prentice.
- Hamid Fahmy Zarkasyi. 2010. *Al-Ghazali's concept of causality with reference to his interpretations of reality and knowledge*. Gombak: IIUM Press.
- Haron Din. 1990. *Manusia dan Islam*. Bangi: PKENJ.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad Ibn Mukram. 1994. *Lisān al-‘Arab*. Ed. Ke-3. Jil. Ke-3. Beirut: Dār al-Fikr li al-Tibā‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzī‘.
- Khairiah Mohd Yassin. 2014. Hubungan Budaya dan Ilmu dari Perspektif Barat dan Islam. *MANU* 20: 25–51.
- Khalif Muammar A. Harris. 2012. Pandangan Islam Terhadap Tradisi dan Kemodenan. *Journal Hadhari* 4 (1): 23–48.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid. 2012. *Perkaedahan pengajaran Pendidikan Islam antara tradisi dan inovasi*. Seminar Keberkesanan Pendidikan Islam dalam Pendidikan kebangsaan. Anjuran Institut Islam Hadhari, UKM dengan Kerjasama Bahagian Pendidikan Islam, KPM, 19 April 2012.
- Mahmoud Mrglani. 2012. *Adab Murid Siri Ilmu Kesufian*. Terj. Rahmat Shazlee. Johor Bahru: Pustaka Azhar.
- Mahyuddin Hashim, Adnan Mohamed Yusof, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Noornajihan Ja'far, Norakyairee Mohd Raus. 2018. Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli dan perbandingannya dengan Islamisasi. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs*. 2 (December 2018): 11- 23.

- Malik Badri. 2001. *Contemplation: an Islamic psychospiritual study*. Kuala Lumpur: Medeena Books.
- Ma Razhanlily Ab Razak & Salasiah Hanim Hamjah. 2017. Faktor zina dan kesannya dalam kehidupan remaja. *Sains Insani*. 2(2): 1 -10.
- Miskawayh, Ahmad ibn-Muhammad. 1968. *Tahdib al-Akhlaq*. (The Refinement of Character). Terj. C.K. Zuraik. Beirut: American University of Beirut.
- Mohd Anuar Mamat & Muhammad Mustaqim Mohd Zarif. 2019. Keperluan zikir dalam pembelajaran menurut manuskrip Melayu: kajian terhadap MSS 2906 (b) Tibyan Al-Maram. *Journal of Al-Tamadun* 14 (1): 37 – 51.
- Mohd Anuar Mamat & Che Razi Jusoh. 2020. Konsep asas dan pembahagian ilmu menurut manuskrip Melayu: kajian terhadap MSS 2906 (b) Tibyan Al-Maram. *Afkar Special Issue* 2 (2020): 1 – 44.
- Mohd Farid Bin Mohd Shahran. 2013. Falsafah dan hala tuju pendidikan dalam Islam. Kertas kerja Seminar Pemerkasaan Pengajaran Agama Islam: Menilai Cabaran Semasa Guru Pendidikan Islam. Anjuran IKIM, 24-25 September 2013.
- Mohd Farid Mohd Shahran. 2012. Mithaq sebagai landasan agama dan akhlak Dlm. *Adab dan Peradaban: Karya pengiktirafan untuk Syed Muhammad Naquib AlAttas*. Petaling Jaya: MPH Group Publishing. hlmn. 115-132.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Omar. 2003. *Christian & Muslim Ethics*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Rushdan Mohd Jailani. 2019. Kerangka Konsep Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (INAQ) di Universiti Sains Islam Malaysia. *Journal of Islamic Social Sciences and Humanities*. 20 (1) 21 – 32.
- Musmuliadi Kamaruding & Suriadi Kamaruding. 2018. Aplikasi kaedah kepimpinan berteraskan Qalb dalam kalangan pelaku pembangunan. *Sains Insani* 3 (2): 83 – 88.
- Nasr, Seyyed Hossein. 1987. *Traditional Islam in the modern world*. Kuala Lumpur: Foundation for Traditional Studies.
- Nor Aqliriana Ramli & Azyyati Mohd Nazim. 2018. Pendekatan taubat nasuha dalam menangani ramaja bermasalah. *Malaysian Journal for Islamic Studies* 2 (1): 1 – 10.
- Nor Afian Yusuf, Khairul Anwar Mastor, Maznah Ibrahim, Fatin Hazwani @ Hasidah Siran, Hamdzun Haron & Abdul Salam Yussof. 2018. Hubungan anime dengan akhlak remaja Islam: Kajian rintis di Selangor. MALIM: *Jurnal Pengajaran Umum Asia Tenggara (SEA Journal of General Studies)* 19 (1): 12-27.
- Nor Farah Asmira Abdul Malek. 2020. Garis panduan guru: perlaksanaan amalan zikir bagi kanak-kanak bermasalah tingkah laku agresif berpandukan kanak-kanak autism. *Jurnal Pendidikan Bitara* 13 (1): 36 – 50.
- Noor Hisham Md. Nawi. 2015. *Perjuangan Pendidikan: Dari Kesepadan ke Islamisasi*. Kota Bharu: Universiti Malaysia Kelantan.
- Norsaleha Mohd Salleh. 2015. Penghayatan akidah, ketenangan hati dan ketenangan rohani dalam kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Husna Mansor, Khairul Hamimah Mohammed Jodi & Raihanah Abdullah. 2017. Pemulihan akhlak di pusat perlindungan wanita: kajian di Baitul Ehsan dan Dar Assaadah. *Jurnal Hadhari* 9(2): 261 – 274.
- Nur Khairunnisa Hodzori, Latifah Abdul Majid & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2020. Pembudayaan positif di sekolah dalam mencegah remaja daripada berpacaran. *Sains Insani*. 5 (1): 8 – 13.

- Rezki Perdani Sawai, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Sidek Mohd Noah, Rumaya Juhari & Steven Eric. 2019. Akhlak percintaan dan rasa malu. *Al-Abqari: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 18 (May 2019): 81 – 93.
- Qutb, Sayid. 2000. *Tafsīr fī zilāl al-Qurān*. Kota Baru: Pustaka Aman Press.
- Qutb, Sayid. 2006. *Basic principles of the Islamic worldview*. North Haledon, NJ: Islamic Publications International.
- Seri Kartini Jurami & Fariza Md. Sham. 2013. Pengamalan Ajaran Islam dalam Kalangan Pelajar Politeknik Ungku Omar, Ipoh. *Islamiyat*. 35(1): 29–38.
- Siti Suhaila Arsal. Nik Rosila Nik Yaacob & Mohamad Hashim Othman. 2018. Integration of muhasabah concept and scaling question technique in counselling. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 3 (4): 23 – 29.
- Shadiya Mohamed S. Baqutayan. 2011. The Relationship Between Religion, Knowledge And Morality Development In Adolescences. *International Journal of Business and Social Science* 2(16): 126–132.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. 2013. *Islamization Of Contemporary Knowledge And The Role Of The University In The Context Of De-Westernization And Decolonization*. Johor Bahru: Penerbit UTM Press.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekutaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 155 –172.